



Anwar bersama Paetongtarn ketika sidang media bersama di Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

# PM lantik Thaksin penasihat peribadi Pengerusi ASEAN

**Anwar mahu negarawan Thailand kongsi kepakaran, idea berkaitan isu serantau**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim melantik bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra sebagai anggota kumpulan penasihat tidak formal kepada Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

Perdana Menteri berkata, Malaysia memerlukan negarawan seperti Thaksin untuk berkongsi kepakaran serta idea kepada Pengerusi ASEAN berkenaan isu serantau.

“Saya juga bersetuju untuk melantik beliau (Thaksin) sebagai penasihat peribadi saya, (membantu Malaysia sebagai) Pengerusi ASEAN, bersama pasukan dari negara ASEAN dalam ke-

rangka tidak rasmi.

“Terima kasih kerana (Thaksin) bersetuju dengan perkara ini, kerana kami memerlukan manfaat daripada pengalaman seorang negarawan seperti beliau,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra di sini, semalam.

Terdahulu Anwar dan Paetongtarn mengadakan mesyuarat dua hala sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand itu ke Malaysia selama dua hari sejak kelmarin.

## Komited laksana 5PC

Dalam pada itu, Anwar berkata, selain komited melaksanakan sepenuhnya Konsensus Lima Perkara (5PC) membabitkan isu Myanmar, Malaysia dan Thailand mengambil pelbagai langkah melalui dialog tidak rasmi di pelbagai peringkat.

Katanya, ini untuk memastikan Myanmar dapat kembali berfungsi secara penuh dalam ASEAN.

“Selain itu, saya ingin mengucapkan

terima kasih kepada Thailand kerana mempunyai pendirian yang sama dengan Malaysia dalam proses penerimaan Timor-Leste sebagai anggota penuh ASEAN

“Kami bekerjasama rapat untuk memastikan syarat yang ditetapkan dapat dipenuhi sebelum mesyuarat awal ASEAN, yang bakal berlangsung menjelang akhir Mei tahun depan,” katanya.

Sementara itu, Paetongtarn menegaskan, Thailand kekal menyokong Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025.

“Saya komited mengekalkan dinamik hubungan di antara kedua-dua negara dalam menjamin kemakmuran dan keamanan,” katanya.

